

Newspaper	Berita Harian
Date	25 August 2015

DAP, Dr Mahathir senada isu 1MDB

BH - 25/8/2015

» **Kenyataan timbulkan persoalan agenda tersirat**

Oleh Haika Khazi
mfaizul@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kenyataan pemimpin DAP dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengenai 1Malaysia Development Berhad (1MDB) menimbulkan persoalan mengenai agenda tersirat mereka terhadap kerajaan dan Datuk Seri Najib Razak.

Terbaru, Ahli Parlimen Klang daripada DAP, Charles Santiago, dalam kenyataannya dalam portal berita, *freemalaysiatoday.com* mendakwa wang RM42 bilion milik 1MDB itu sudah lesap dan meminta Perdana Menteri memberi penjelasan mengenainya.

Sebelum ini, tuduhan sama dibuat berulang kali oleh Dr

Mahathir dengan mendakwa wang itu sudah ghaib.

Terus timbulkan isu

Isu itu terus ditimbulkan oleh DAP dan Dr Mahathir walaupun syarikat pembangunan strategik kerajaan itu sudah beberapa kali menjelaskan mengenai isu hutang RM42 bilion.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Dr Puad Zarkashi, berkata jelas DAP dan Dr Mahathir saling mempergunakan satu sama lain untuk menjatuhkan Najib sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO.

"DAP sebagai parti pembangkang memang mahu melihat Najib meletak jawatan sebagai Perdana Menteri, manakala Dr Mahathir mempunyai agenda peribadi untuk melihat Najib meletak jawatan sebagai Presiden UMNO.

"Saya yakin kedua-duanya sengaja mengulangi isu sama untuk menjayakan misi mereka," katanya mengulas kenyataan Santiago yang senada dengan Dr Mahathir sebelum ini.

Pada 3 Jun lalu, 1MDB mengeluarkan butiran terperinci bagaimana RM42 bilion digunakan, sekali gus menepis dakwaan wang itu hilang atau lesap.

Dalam kenyataan itu, 1MDB menegaskan dana itu digunakan untuk membeli aset tenaga, tanah, perbelanjaan kewangan dan deposit dalam dana pelaburan, tetapi meninggalkan lebih tunai sebanyak RM900 juta, yang semuanya berjumlah RM41.8 bilion.

Tak ikut perkembangan

Sementara itu, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Salleh Said Keruak, dalam blognya membidas Santiago yang disifatkannya tidak mengikuti perkembangan terkini mengenai isu dibangkitkannya sendiri.

"Dia tak ikut berita ke? Bukan sahaja isu itu sudah dijawab berkali-kali, malah orang yang berkepentingan pun sudah membuat banyak kenyataan mengenainya.

"Mereka bertanya soalan sama berulang kali dengan me-



Dr Puad Zarkashi



Salleh Said Keruak

ngabaikan jawapan yang sudah diberi dan berpura-pura seolah tiada maklum balas mengenainya. Wang RM42 bilion tidak lesap seperti didakwa Santiago," katanya.